

24/01/2003

Kemajuan Malaysia ikut definisi sendiri: Dr Mahathir

Meor Kamarul Shahid

DAVOS (Switzerland): Dr Mahathir Mohamad menegaskan Malaysia tidak akan mengikut jejak langkah sesetengah negara maju yang ghairah dengan kekayaan tetapi sering menekan negara lain.

Sebaliknya, Malaysia yang kini membina kekuatan untuk mencapai tahap negara maju, akan memastikan kemajuan negara tidak akan meruntuhkan nilai masyarakat.

Dalam satu temubual dengan majalah Global Agenda yang diterbitkan oleh Forum Ekonomi Dunia (WEF), Perdana Menteri berkata, sesetengah negara sudah pun mencapai taraf negara maju, tetapi moral mereka merosot.

"Mereka mungkin kaya tetapi mengabaikan soal kebajikan dan tidak mengambil berat soal kemiskinan," katanya tanpa menyebut negara berkenaan walaupun ditanya oleh majalah itu.

"Mereka terlalu ghairah untuk menjadi negara yang kononnya bebas, tetapi menafikan kebebasan orang lain. Mereka sering menekan negara dan orang lain. Ini bukanlah ciri-ciri negara maju yang akan Malaysia bina," katanya sambil menegaskan bahawa ciri-ciri negara maju Malaysia akan berpandukan spesifikasi dan definisi Malaysia sendiri.

Dr Mahathir adalah pemimpin tunggal dunia yang mendapat ruang wawancara dalam majalah bertemakan 'Membina Amanah' itu.

Membina Amanah juga adalah tema WEF ke-33 di pusat perangnya bersalji di sini.

Dalam temubual secara soal jawab penuh itu, Dr Mahathir menjawab pelbagai soalan membabitkan isu politik dan ekonomi negara, dasar perkauman, tindakan politik Pas, tambatan ringgit dan kawalan modal, isu keganasan, Kesatuan Eropah (EU), kesepakatan Asean, isu hubungan Malaysia-Singapura, negara Islam dan pengunduran beliau sebagai Perdana Menteri.

Dr Mahathir juga menyatakan kebimbangannya mengenai isu keganasan.

Katanya, tanggapan bahawa umat Islam kian dilayan dengan buruk akan meningkatkan lagi tindakan keganasan.

"Ia berpunca daripada konflik dan tanggapan bahawa umat Islam ditindas, terutama di Palestin. Tentunya di negara lain juga umat Islam mengangap diri mereka turut ditindas termasuk di Chechnya atau di Kashmir," katanya.

Dr Mahathir berkata, sama ada ia benar atau tidak, adalah tidak relevan kerana ia sudah tertanam dalam kepala mereka.

Katanya, umat Islam merasakan rakyat Palestin dilayan secara tidak adil dan dibunuh manakala bumi mereka dirampas.

"Umumnya sejak 50 tahun lalu, mereka menjadi pelarian. Ini menimbulkan satu perasaan bukan saja di kalangan rakyat Palestin, tetapi ramai orang bersimpati kepada Palestin - mereka perlu bertindak balas dengan apa cara sekalipun.

"Pilihan mereka ialah melakukan taktik keganasan. Apa pilihan yang ada pada mereka?" katanya.

"Mereka tidak boleh berperang secara konvensional dengan penindas mereka, tambahnya.

Dr Mahathir berkata, secara umumnya umat Islam tidak mendapat layanan baik. "Saya berpendapat tanggapan seperti ini kian meningkat kerana sejak peristiwa 11 September 2001, Perdana Menteri Israel, Ariel Sharon, melancarkan gerakan tindak balas terhadap Palestin," katanya.

Ditanya bagaimana umat Islam sepatutnya bertindak balas, Dr Mahathir berkata, seluruh umat Islam sepatutnya mengutuk keganasan kerana ia bertentangan dengan ajaran Islam.

Bagaimanapun, dalam soal Palestin, katanya, mereka terpaksa berjuang sendiri dengan cara mereka.

Dr Mahathir berkata, di Malaysia umat Islam bebas mengamalkan agama kerana tidak ada perkara yang menghalang rakyat melakukan segala yang disuruh oleh Islam.